

MASALAH CUTI

Dua pesilat masih 24 FEB 1989 belum turun berlatih

B. Harian (M)

DUA pelatih negara iaitu pesilat, Wan Aminuddin Baki Abu Bakar dan Zakri Ibrahim, gagal menjalani latihan pusat peringkat kelima di Kota Bharu, dari 15 hingga 26 Februari, sebagai persiapan ke Sukan SEA Kuala Lumpur, Ogos ini, lapor **NOOR JAAFAR**.

Sejak latihan peringkat kelima di Kota Bharu pertengahan bulan ini, dua pesilat negara itu masih belum melapor diri.

Jurulatih Pusat Cemerlang Silat Kelantan, Mohd Noor Mahmud, difahamkan dua pesilat itu menghadapi masalah cuti.

Katanya, Wan Aminuddin dan Zakri pada mulanya dijangka melapor diri untuk meneruskan latihan di Kota Bharu, Isnin lalu, tetapi hingga kini masih belum berbuat demikian.

Katanya, pihak beliau tidak diberitahu jika dua pelatih itu menghadapi masalah lain.

"Adalah menjadi harapan kami supaya pihak-pihak yang berkuasa ke atas mereka membantu mengatasi masalah itu supaya dua pesilat berkenaan dapat menjalani latihan dengan sempurna.

"Sehingga kini hanya 28 pelatih, termasuk sepuluh pesilat wanita negara masih meneruskan latihan yang diadakan di Dewan Majlis Belia Kelantan dan Gelanggang Seni, Kota Bharu.

"Latihan ini dikendalikan oleh enam jurulatih iaitu Sani Murni, Fadzil Haji Ibrahim, Othman Jefri, Jalil Salleh, Johari Ibrahim dan Mohd Noor Mahmud," katanya.

Mohd Noor berkata empat pesilat Sukan SEA '87 di Jakarta masih menunjukkan prestasi membanggakan dan yakin mereka dapat mempertahankan pingat yang dimenangi dulu.



■ ZAKRI IBRAHIM

SILAT/ Jemputan Brunei

Penyertaan 15 pesilat B. Harian (M) sebagai ujian terakhir

Oleh **NOOR JAAFAR**

25 FEB 1989

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mengesahkan penyertaan ke Jemputan Brunei, Jun ini, sebagai persiapan terakhir menilai kemampuan pesilat negara sebelum Sukan SEA, Ogos ini.

Ketua jurulatih Pusat Cemerlang (silat), Sani Murni, berkata pihaknya sudah memilih 15 pesilat untuk kejohanan itu.

Bagaimanapun senarai pesilat yang dipilih masih dirahsiakan.

"Sebelum ini kami bercadang hanya menghantar barisan kedua untuk membawa cabaran negara pada kejohanan di Brunei itu.

"Bagaimanapun, berdasarkan kejohanan itu boleh dijadikan ujian terakhir bagi pesilat negara, kami akhirnya mengambil keputusan menghantar barisan utama," katanya di Dewan Majlis Belia Kelantan, Kota Bharu, petang semalam.

Sani berkata, berdasarkan latihan pusat sejak Ogos lalu serta latihan peringkat kelima di Kota Bharu (15-26 Feb), beliau percaya pesilat negara berupaya memenangi sekurang-kurangnya lima pingat emas di Sukan Sea nanti.

Beliau berkata, pihaknya akan berusaha untuk memastikan matlamat Majlis Sukan Negara (MSN) meraih lima emas melalui silat olahraga dicapai.

Pada Sukan Sea di Jakarta (1987), pesilat negara hanya berupaya memenangi dua pingat emas, tiga perak dan empat gangsa.

Sebelum ini, latihan peringkat pertama diadakan di Kuala Lumpur; kedua di Kuala Terengganu; ketiga dan keempat (Kuala Lumpur); kelima (Kota Bharu), keenam (Johor Bahru) dan ketujuh di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, sebelum menyertai Jemputan Brunei.

Enam jurulatih dilantik mengendalikan latihan pusat itu dengan diketuai oleh Sani Murni dari Wilayah Persekutuan. Yang lain ialah Fadhil Haji Ismail dari Selangor, Othman Jefri (Johor), Jalil Salleh (N Sembilan), Mohd Noor Mahmud (Kelantan) dan Johari Ibrahim (Terengganu).

Seramai 30 pesilat, termasuk sembilan wanita, dipilih menyertai latihan-latihan pusat itu.

Pencak silat difilemkan

27 FEB 1989

TEMERLOH, Anad - Pelbagai jenis pencak silat di negara ini akan difilemkan untuk ditayang di seluruh dunia bagi menarik lebih ramai pelancong asing ke negara ini, kata Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik.

Menurutnya, kementerian akan mengadakan usahasama dengan syarikat pengeluar filem tempatan untuk merakamkan kegiatan seni mempertahankan diri itu.

B. Harian (M)